
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

**JMG 416 – Perancangan Alam Sekitar dan
Pengurusan Sumber Alam**

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.


Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap jawapan membawa 100 markah maksimum.

...2/-

1. Telitikan iklan berikut :

PEMBERITAHUAN PERTAMA

 **Faber**

FABER MEDI-SERVE SDN BHD
(No. Sykt. 109818-H)
TINGKAT 10, MENARA 2, FABER TOWERS, JALAN DESA BAHAGIA,
TAMAN DESA, 58100 KUALA LUMPUR
TEL: 03-7620 0000 FAKS: 03-7620 0020

BIDANG RUJUKAN (TOR) UNTUK PENYEDIAAN LAPORAN PENILAIAN TERPERINCI KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (DEIA) CADANGAN PROJEK LOJI PELUPUSAN SISA-SISA KLINIKAL DI KAMUNTING RAYA INDUSTRIAL ESTATE, TAIPING, PERAK OLEH FABER MEDI-SERVE SDN. BHD.

Dimaksudkan bahawa Jabatan Alam Sekitar (JAS) sedang mengkaji TOR untuk projek tersebut di atas. Orang ramai adalah dijemput untuk memberi ulasan bertulis ke atas TOR berkenaan yang boleh didapati dan dirujuk di tempat-tempat seperti berikut:

| | |
|--|--|
| (i) Perpustakaan Ibu Pejabat Jabatan Alam Sekitar Aras 5, Blok C4, Parcel C Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62662 PUTRAJAYA | (ii) Majlis Perbandaran Taiping Jalan Taming Seri 34000 TAIPING |
| (iii) Balai Polis Kamunting 34600 TAIPING | (iv) Perpustakaan Awam Negeri Perak No. 17 Jalan Raja Dihilir Jalan Tambun 30350 IPOH |

(v) Semua Pejabat JAS Negeri

Orang ramai boleh menyemak TOR tersebut daripada 12 Disember 2003 hingga 26 Disember 2003. Ulasan bertulis hendaklah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar sebelum 2 Januari 2004 dan ulasan tersebut hendaklah dikemukakan terus kepada:-

Ketua Pengerah
Jabatan Alam Sekitar
Aras 3-7, Blok C4, Parcel C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62662 PUTRAJAYA
(u.p.: Bahagian Penilaian Alam Sekitar EIA - Sektor EIA 1)
Tel: 03-8885 8200 Faks: 03-8889 1045

Sumber New Straits Times, Rabu, 10 Disember, 2003

Perincikan prosedur penyediaan Laporan Penilaian Terperinci Kesan Kepada Alam Sekeliling (DEIA) yang boleh diguna pakai bagi tujuan tersebut.

(100 markah)

...3/-

2. Telitikan terjemahan petikan berikut :

“Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding berkata Malaysia sedang dalam proses merangka dasar pengurusan pantai yang akan memperincikan peranan yang akan dimainkan oleh semua agensi berkenaan termasuklah kerajaan-kerajaan negeri dalam usaha pemuliharaan dan perlindungan kawasan pantai dan laut.”

- The Star, Selasa, 9 Disember 2003, halaman 16

Bincangkan langkah-langkah yang boleh membantu dalam menjayakan usaha pemuliharaan dan perlindungan kawasan pantai dan laut tersebut.

(100 markah)

3. Bincangkan implikasi pembinaan kompleks peleburan aluminium bernilai RM7.6 billion oleh Smelter Asia Sdn Bhd di tapak seluas 280 hektar di Similajau, Sarawak yang dijangka mula beroperasi pada bulan September 2007 dalam konteks impak alam sekitar di kawasan tapak dan sekelilingnya.

(100 markah)

4. Perincikan tindakan yang harus diambil bagi menjayakan usaha melindungi kepupusan spesies “great apes” (gorila, chimpanze, bonobo dan orang utan) seperti yang dihasratkan oleh the United Nations Environment Programme (UNEP) dan Unesco melalui the Great Apes Survival Project (Grasp).


(100 markah)

5. Pewartaan 16 buah kawasan sungai di negeri Johor bagi tujuan pengurusan sumber air memerlukan pemantauan dan pelan tindakan terperinci bagi tujuan menjaga sumber air tersebut mampu menampung permintaan jangka panjang. Bincangkan.

(100 markah)

...4/-

6. Teliti dan bincangkan implikasi pernyataan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berikut :



Berdasarkan iklan di atas, bincangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjayakan hasrat tersebut.

(100 markah)